



Laporan Program Januari - Jun 2024



Tentang MVM	3 - 4
Peranan MVM di Malaysia Januari - Jun 2024	5
Peranan MVM Peringkat Antarabangsa Januari - Jun 2024	6
Pemeriksaan Sukarelawan 2024	7
Impak Sumbangan Anda	8
Pecahan Sumbangan Januari - Jun 2024	9
Kolaborasi Korporat Januari - Jun 2024	10
Rakan Kemanusiaan Januari - Jun 2024	11
Laporan Program di Saluran Media	12
Mesyuarat, Kunjung Hormat & Kerjasama Baru MVM 2024	13
Projek & Program Oleh MVM 2024	14 - 35

Ringkasan Setengah Tahun





TENTANG MVM

”

adalah organisasi tidak berasaskan keuntungan dan pertubuhan bukan kerajaan yang berdaftar secara sah dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia sejak 30 Disember 2014 (no pendaftaran PPM-003-14-30122014).





Hab Sukarelawan

Misi

Memperkasakan kesukarelawanan

Visi

- Menjadi organisasi pilihan utama dalam mengumpulkan, membangun dan menghubungkan sukarelawan di dalam Malaysia
- Menjadi organisasi yang menyokong kerja-kerja kemanusiaan di dalam dan luar negara melalui pemerkasaan sukarelawan

Peranan MVM di Malaysia Januari - Jun 2024



Elemen SDG:




Peranan MVM Peringkat Antarabangsa

Januari - Jun 2024

Gaza

Bantuan makanan




Cianjur

Telaga air



Syria


Bantuan makanan



Elemen SDG:



Pemeriksaan Sukarelawan 2024



511 sukarelawan

Elemen SDG:




Impak Sumbangan Anda



Impak#1 Alam Sekitar

90,000kg pakaian telah dikitar semula dan 154kg sampah telah berjaya dibersihkan dari sungai




Impak#2 Kanak-kanak

154 orang kanak-kanak miskin bandar telah menerima bantuan makanan, program cuti sekolah, sukan, bantuan persekolahan serta persiapan hari raya



Impak#3 B40 & miskin

5,561 orang telah menerima manfaat berupa bantuan keperluan asas, persiapan hari raya, serta bantuan barang niaga



Impak#4 Syria

Dianggarkan seramai 2,000 orang menerima manfaat sumbangan makanan asas




Impak#5 Gaza

23,400 rakyat Gaza di sekitar Khan Younis telah menerima bantuan iftar dan sahur dalam bantuan fasa kedua dan ketiga selepas bantuan ubat-ubatan serta makanan disampaikan pada Disember 2023



Impak#6 Cianjur

Seramai 400 orang dari Kg Benjot, Cianjur telah menerima manfaat kemudahan air bersih hasil daripada projek telaga air berkapasiti 8,000 liter yang berjaya didirikan di kampung tersebut



Impak#7 Komuniti Sukarelawan


511 sukarelawan terlibat dalam pelbagai program komuniti yang membabitkan pertukaran kepakaran, sumbang tenaga, silang usahasama, advokasi dan kesedaran




Impak#8 Komuniti Sekolah

Seramai 2,644 orang warga sekolah menerima manfaat pembaharuan suasana sekolah melalui penglibatan sukarelawan dalam program gotong-royong perdana


Pecahan Sumbangan Januari - Jun 2024




Kolaborasi Korporat Januari - Jun 2024



Rakan Kemanusiaan Januari - Jun 2024



Laporan Program di Saluran Media



Mesyuarat, Kunjung Hormat & Kerjasama Baru MVM 2024

1. Kunjung hormat ke Orphan Care untuk kerjasama projek Feed The Future (Januari 2024)
2. Mesyuarat kerjasama baru bersama CEO Life Line Clothing untuk projek GOG (Januari 2024)
3. Jemputan ke Sidang Media Siri Jelajah Anarchy of The Psyche, Armpunk Syndicate (Januari 2024)
4. Kunjung hormat & mesyuarat bersama Pejabat Belia & Sukan Daerah Manjung berkenaan program GOG (Januari 2024)
5. Kunjung hormat & mesyuarat kerjasama program Sinar Ramadan Bulan Bintang 2024 (Februari 2024)
6. Kunjung hormat & mesyuarat di Universiti Kebangsaan Malaysia untuk GOG (Februari 2024)
7. Kursus induksi Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (PIBK) Dibawah Majlis Agama Islam Selangor (Februari 2024)
8. Kunjung hormat ke Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor (Februari 2024)
9. Kunjung hormat & mesyuarat kerjasama program Ramadan bersama Tiktok Malaysia (Februari 2024)
10. Kunjung hormat Global Humanity Network Indonesia (Mac 2024)
11. Menghadiri Pelancaran Pusat Kitar Semula Tekstil di Wisma MBS, Seremban (Mac 2024)
12. Kunjung hormat & mesyuarat kerjasama baru bersama MATCH Foundation (Mac 2024)
13. Jelajah Sedekad Pusat Rehabilitasi PERKESO (April 2024)
14. Mesyuarat Situasi Terkini di Gaza di International Institute of Advanced Studies (IAIS) Malaysia anjuran Palestinian Cultural Organization Malaysia (Mei 2024)
15. Kunjung hormat dan mesyuarat bersama Ezy Zakat (Jun 2024)



” **PROJEK &
PROGRAM
OLEH MVM
2024**

Green O Go Bin (GOG)

GOG adalah projek kitar semula yang memfokuskan pengumpulan fabrik di peringkat komuniti. Projek kolaborasi bersama Life Line Clothing (LLC) ini menggalakkan kitar semula fabrik seiring dengan kempen kesedaran tentang perubahan iklim. Fabrik yang berjaya dikumpulkan akan dihantar ke kilang LLC untuk ditimbang dan diasingkan mengikut keadaan. Fabrik yang masih elok akan dihantar ke negara dunia ketiga, diberi kepada rumah amal, dijual semula (*pre-loved*) dan dikitar semula menjadi fabrik baru. Jika fabrik telah rosak, ia akan diproses untuk dijadikan bahan bakar kilang. Fabrik terkumpul yang ditimbang akan dibayar oleh LLC kepada MVM. Hasil inilah yang akan dimasukkan ke dalam tabung projek seperti projek kecemasan Palestin, Feed The Future dan lain-lain.

Lokasi	Manjung, Perak
Tarikh Projek	Januari 2024
Jumlah Terkumpul Fabrik	90 tan
Penerima Manfaat	Komuniti & alam sekitar

Tujuan lain projek GOG:

1. Menggalakkan aktiviti kitar semula di peringkat komuniti
2. Mengaktifkan kesukarelawanan di peringkat komuniti secara besar-besaran
3. Mengumpul dana untuk tabung projek kemanusiaan



Elemen SDG:



Feed The Future (FTF)

Feed The Future adalah program bantuan makanan bernutrisi untuk kanak-kanak miskin bandar yang mengikuti kelas pendidikan kelolaan Adab Youth Garage. Tujuan asal Feed The Future adalah mengatasi masalah fokus kanak-kanak yang terganggu sewaktu belajar kerana lapar. Isu gangguan fokus ini disedari selepas melihat tahap penguasaan pembelajaran kanak-kanak yang rendah sedangkan mereka mengikuti kelas asas. Hasil pemerhatian dan perbualan mendapati kanak-kanak di sini sering lapar kerana kurang makan. Kanak-kanak yang belajar ini adalah sebahagian daripada kanak-kanak yang kecikiran pendidikan atas pelbagai faktor. Misi besar Feed The Future adalah memecahkan acuan kemiskinan keluarga-keluarga di PPR melalui agenda pendidikan dan pemakanan kanak-kanak supaya mereka akan berhenti mewarisinya sebagaimana yang banyak berlaku hari ini.

Lokasi	Puchong, Shah Alam, Tanjung Karang, Petaling Jaya
Tarikh Projek	Januari - April
Projek Berikutnya	Julai - Disember (mengikut tarikh kelas)
Penerima Manfaat	20 - 30 orang kanak-kanak (Isnin - Jumaat, setiap minggu)

Jenis Bantuan:

1. Pek makan malam sebelum kelas 3M (nasi, lauk protein, sayur)
2. Program pengisian cuti sekolah & pembangunan kanak-kanak
3. Snek ringan kelas malam (roti, biskut, susu, buah)
4. Pek iftar
5. Vitamin C

Elemen SDG:



Feed The Future (FTF)




Elemen SDG:



River Clean-Up 3.0 & 4.0

Program pembersihan sungai adalah program alam sekitar dengan kerjasama Hara Maker yang memfokuskan pembersihan dan pengumpulan sisa sampah. Program ini adalah salah satu platform aktiviti sukarelawan yang diadakan pada hujung minggu. Sepanjang aktiviti ini sukarelawan akan didedahkan dengan pelbagai perkara berkaitan pencemaran sungai, melaksanakan pembersihan, mengenali bahan buangan dan menimbang jumlah bahan pencemaran yang telah dibersihkan.

Lokasi	Segambut, Kuala Lumpur
Tarikh Projek	Februari & Mei 2024
Jumlah Sisa Terkumpul	154.82kg (telah dibersihkan dari sungai)
Penerima Manfaat	Komuniti & alam sekitar



Elemen SDG:



Feed The Future X Pertandingan Bola Sepak Belia (Bawah 18 Tahun) AYG

Pertandingan Bola Sepak Belia (bawah 18 tahun) adalah inisiatif rakan kerjasama MVM, iaitu Adab Youth Garage untuk menyokong minat sebahagian belia serta kanak-kanak terhadap sukan khususnya bola sepak. Pertandingan di peringkat wilayah tengah ini adalah kali pertama dianjurkan dan telah disertai oleh kanak-kanak serta belia dari 6 buah PPR di sekitar Selangor dan Nilai. Selain penglibatan kanak-kanak serta belia PPR, program ini juga telah menghubungkan pelbagai jawatankuasa setempat lebih-lebih lagi ahli komuniti.

Lokasi	Puchong, Selangor
Tarikh Projek	Februari 2024
Penerima Manfaat	<p>Lebih 70 orang kanak-kanak & belia PPR:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1.PPR Desa Mentari 2.Pangsapuri Enggang 3.PPR Hicom 4.PPR Ken Rimba 5.AYG Bangi 6.AYG Ampangan



Elemen SDG:



First We Need Love X Back To School

MVM bekerjasama dengan Genius Aulad untuk bantuan kembali ke sekolah di bawah kempen First We Need Love oleh Genius Aulad. Melalui kempen ini, seramai 20 orang kanak-kanak miskin bandar telah dipilih untuk menerima bantuan. MVM telah menggerakkan pelbagai program bersama-sama Genius Aulad bertujuan mengupayakan kanak-kanak yang kurang berkemampuan mengakses hak-hak mereka terhadap makanan serta pendidikan.

Lokasi	Puchong, Selangor
Tarikh Projek	Februari
Jumlah Penerima Manfaat	20 orang kanak-kanak

Jenis sumbangan:

1. Beg sekolah
2. Botol air
3. Set alat tulis
4. Set mewarna
5. Bekas pensel.




Elemen SDG:



Ramadan: Rantain Kasih

Rantain Kasih adalah projek bantuan Ramadan terbesar yang dibawakan oleh Yayasan Habib. Tahun 2024 adalah pertama kali Yayasan Habib menaja sumbangan Ramadan di lima buah negeri. Barangan sumbangan yang telah diserahkan terdiri daripada:

Lokasi	Pulau Pinang, Selangor, Sarawak, Kelantan & Perak
Tarikh Projek	Februari - Mac
Penerima Manfaat	2400 penerima manfaat



Lokasi projek:

1. Masjid Kubang Ulu, Kubang Semang, Bukit Mertajam, Pulau Pinang
2. Adab Youth Garage Tanjung Karang, Selangor
3. Masjid Az-Zahrah, Jeram Pasu, Pasir Puteh, Kelantan
4. Dewan Serbaguna Beruas, Perak
5. Dewan Komuniti, Kampung Serpan Laut, Asajaya, Sarawak

Elemen SDG:



Ramadan: Rantainan Kasih



Elemen SDG:



Sinar Ramadan Bulan Bintang

Sinar Ramadan adalah program sumbangan Ramadan tahunan MVM yang digerakkan bersama sukarelawan di setiap negeri. Sejak kali pertama ia dilaksanakan iaitu pada tahun 2021, program ini telah menjelajah ke semua negeri di Malaysia. Untuk tahun 2024, program ini telah ditaja sepenuhnya oleh jenama terkenal Bulan Bintang. Program Sinar Ramadan Bulan Bintang telah dilaksanakan di 6 buah lokasi dengan latar belakang penerima manfaat yang pelbagai merangkumi OKU, anak yatim, ibu tunggal, B40, miskin tegar dan miskin bandar.

Lokasi	Kedah, Perak, Selangor, Johor, Kuala Lumpur
Tarikh Projek	Mac - April 2024
Jumlah Penerima Manfaat	1,860 penerima manfaat



Jenis sumbangan yang telah disampaikan:

1. Barangan makanan asas
2. Baju raya
3. Duit raya
4. Biskut raya
5. Rewang bubur lambuk & iftar

Elemen SDG:



Ramadan: Rantain Kasih



Elemen SDG:



Sumbangan Barang Niaga

Selepas berziarah ke rumah dan tapak niaga Puan Faridah di Puchong Permai, kami mendapati beberapa alat niaga beliau telah uzur. Disebabkan hal ini beliau tidak dapat menjana pendapatan yang baik. Untuk pengetahuan, Puan Faridah merupakan salah seorang penerima bantuan Bizstart serta program usahawan SEDC MVM dahulu. Beliau antara yang masih konsisten berniaga sehingga ke hari ini. Selain menjadi usahawan, beliau turut membuka ruang kepada suri rumah lain di kawasan flat beliau yang ingin menambah pendapatan menghantar hasil niaga mereka di gerai kecil beliau. MVM telah bertindak membeli dan menyerahkan barangan niaga yang baru kepada beliau hasil sumbangan terkumpul daripada orang ramai

Lokasi	Puchong Permai, Selangor
Tarikh Projek	Mac 2024
Jumlah Penerima Manfaat	Puan Faridah



Elemen SDG:



Kacau Bubur Lambuk X Cinta Gaza Malaysia

Projek rewang bubur lambuk Ramadan bersama komuniti di mukim Lekir, daerah Manjung telah diterajui oleh sukarelawan MVM di Manjung, Perak. Program ini mensasarkan agihan 1000 pek bubur lambuk untuk penduduk di sekitar Lekir dan telah ditaja sepenuhnya oleh Cinta Gaza Malaysia (CGM).

Lokasi	Lekir, Manjung, Perak
Tarikh Projek	Mac 2024
Jumlah Penerima Manfaat	1,000 orang

Selain daripada bubur lambuk, MVM, wakil CGM yang hadir serta ahli komuniti yang terlibat juga telah mengagihkan tambahan 100 pek iftar kepada ahli komuniti.



Elemen SDG:



Rantainya Kasih 2: *Shopping Raya*

Berbeza dengan Rantainya Kasih, Rantainya Kasih 2: *Shopping Raya* adalah program khas persiapan Hari Raya Aidil Fitri untuk kanak-kanak miskin bandar bawah 18 tahun. Untuk program kali pertama ini, kanak-kanak dari Pangsapuri Enggang, Puchong telah dipilih. Kesemua kanak-kanak ini terdiri daripada keluarga dengan latar belakang B40 serta asnaf. Selain daripada MVM serta Adab Youth Garage (rakan kerjasama MVM merangkap pengendali pusat pembelajaran kanak-kanak di PPR), sokongan terhadap program ini sebenarnya datang daripada penglibatan sukarelawan Habib Jewels. Kesemua sukarelawan yang terlibat telah diamanahkan dua orang kanak-kanak yang perlu dibantu membeli-belah keperluan Hari Raya. Program ini telah dijalankan selama setengah hari di Mydin Hypermarket, USJ.

Lokasi	USJ, Selangor
Tarikh Projek	Mac 2024
Jumlah Penerima Manfaat	50 orang kanak-kanak



Elemen SDG:



Ramadan Syria MVM X Muslim Care

MVM sekali lagi telah berkolaborasi untuk projek bantuan kemanusiaan Syria. Kali ini kami memilih Muslim Care sebagai rakan strategik yang menyediakan akses untuk kami menyampaikan bantuan di dalam Syria. Bantuan yang disampaikan adalah keperluan makanan asas.

Tahun lalu MVM telah bekerjasama dengan beberapa rakan strategik lain seperti Kharisma Humanitarian Outreach Mission, Global Peace Mission serta Takzim Care.

Lokasi	Syria
Tarikh Projek	Mac 2024
Jumlah Penerima Manfaat	2000 orang



Elemen SDG:



Bantuan Kecemasan Palestin 2.0 & 3.0

Selepas bantuan-bantuan terdahulu seperti ambulans (bersama MyAqsa Defenders), makanan asas sewaktu Ramadan serta musim sejuk, MVM terus menggerakkan kempen Kecemasan Palestin khususnya sejak operasi ketenteraan dan pembunuhan besar-besaran rejim haram Zionis dimulakan ke atas rakyat Gaza pada 7 Oktober 2023. Sehingga April 2024, MVM telah menghantar tiga peringkat bantuan yang terdiri daripada ubat-ubatan serta makanan. Berikutan situasi semasa yang tidak menentu, MVM sentiasa berusaha memastikan kesediaan wakil di Gaza terlebih dulu sebelum memutuskan menghantar bantuan.

Berikut adalah bantuan kedua dan ketiga yang meliputi bantuan makanan iftar serta sahur untuk rakyat Gaza di:

1. Kem Deir Al-Balah
2. Kem Nuseirat.
3. Industrial Shelter Center
4. Kem Jalan bersebelahan pantai
5. Kem Al-Bahr

MVM akan meneruskan bantuan fasa 4.0 sebaik sahaja mendapat maklum balas terkini daripada wakil di Gaza. Bantuan yang akan digerakkan:

1. Makanan
2. Air bersih
3. Perubatan
4. Sumbangan tunai

Kos Pelaksanaan Projek	RM 40,000
Penaja Projek	Rakyat Malaysia
Lokasi	Gaza
Tarikh Projek	Mac - April 2024 (awal & hujung Ramadan)
Jumlah Penerima Manfaat	23,400 orang
Jumlah keseluruhan bantuan yang telah dihantar sejak Disember 2023	RM 68,470.00

Elemen SDG:



Bantuan Kecemasan Palestin 2.0 & 3.0



Wakaf Telaga Cianjur

Walaupun dua tahun telah berlalu sejak bencana gempa bumi melanda Cianjur, kebanyakan penduduk dan kampung di sana masih berdepan kegagalan infrastuktur khususnya sumber air bersih. Selepas dua tahun menggerakkan kempen ini, MVM berjaya menyiapkan sebuah perigi bersistem yang berkapasiti 8,000 liter air, bersambung dengan sistem paip air (merangkap tempat wuduk) dan tangki air. Selain itu MVM juga telah menghantar bantuan lori tangki air bersih sebelum Aidil Adha tahun lalu di sebuah lagi perkampungan kerana keperluan yang amat mendesak. Oleh kerana terdapat banyak lokasi yang memerlukan bantuan ini, projek ini telah memilih lokasi umum seperti masjid supaya bekalan air dapat dimanfaatkan oleh semua ahli komuniti.

Lokasi	Desa Benjot, Kecamatan Cugenang, Kabupaten Cianjur, Jawa Barat, Indonesia
Tarikh Projek	Mei 2024
Jumlah Penerima Manfaat	400 orang



Elemen SDG:



Qurban MVM

MVM melaksanakan ibadah korban pada tahun ini di Malaysia dengan dua ekor lembu di Kelantan. Program ibadah korban ini telah berjaya dilaksanakan bersama sukarelawan MVM yang bertindak sebagai Ketua Projek dan Ketua Sukarelawan. Turut serta adalah komuniti orang kampung yang mahir mengendalikan ibadah korban serta rewang memasak. MVM telah mengagihkan daging korban kepada keluarga-keluarga miskin di kalangan komuniti di masjid tempat program berlangsung serta ke beberapa buah rumah.

Lokasi	Pasir Puteh, Kelantan
Tarikh Projek	Jun 2024
Jumlah Penerima Manfaat	300 orang



Elemen SDG:



Peluh Hari Minggu: Sesi 1

Peluh Hari Minggu adalah program sukan yang diwujudkan sebagai aktiviti *volunteer-get-together*. MVM memanfaatkan program ini sebagai platform untuk mengenali golongan belia yang meminati kesukarelawanan atau sukan, berkongsi maklumat serta perancangan projek terkini.

Lokasi	Puchong, Selangor
Tarikh Projek	Mei 2024
Penglibatan sukarelawan	14 orang



Elemen SDG:



Gotong-Royong Perdana Sekolah Kebangsaan Puchong Indah

MVM telah membuka peluang kepada sukarelawan yang berkelapangan untuk turun membantu pihak sekolah yang memerlukan tenaga sukarelawan dalam program gotong-royong perdana mengecat bangunan sekolah.

Lokasi	Puchong, Selangor
Tarikh Projek	Mei 2024
Penerima Manfaat	2644 warga sekolah



Elemen SDG:



Program Jiwa Baik: Suka-Ria Relawan

MVM telah dijemput sebagai rakan penasihat bagi projek anjuran bersama mahasiswa Universiti Utara Malaysia dan Universiti Pendidikan Sultan Idris

Lokasi	Manjung, Perak
Tarikh Projek	Mei 2024
Penerima Manfaat	Mahasiswa (perkongsian MVM) & ahli komuniti (projek komuniti oleh mahasiswa meliputi keluarga asnaf, golongan OKU serta penghuni rumah kebajikan yang disantuni)

Podcast #1 MVM X The Jejaka Podcast

MVM telah memanfaatkan jemputan ini untuk berkongsi pendapat daripada sudut pandang MVM.

Lokasi	Klang, Selangor
Tarikh Projek	Mei 2024
Penerima Manfaat	Orang awam

Elemen SDG:

